

TOMOK, SHAHIR, ZAHID DAN HAZAMA JAYAKAN PESTA KONVO UUM

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 25 Oktober 2010 16:31

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

25 OKTOBER 2010 / 17 ZULKAEDAH 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

Gambar Oleh: Muhammad Shamsul Shafie

TOMOK, SHAHIR, ZAHID DAN HAZAMA JAYAKAN PESTA KONVO UUM

UUM ONLINE: Tomok, Shahir, Zahid, Hazama, Didie, Faris, Yasin, Daus, Kumpulan Firdaus dan May akan menghiburkan orang ramai dan pengunjung Pesta Konvokesyen Universiti Utara Malaysia (UUM) ke 23 mulai 29 Oktober hingga 2 November ini.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UUM, Prof Madya Dr Amy Azhar berkata, Tomok akan membuka tirai persembahan artis pada 29 Oktober jam 8.30 malam di Stadium Kompleks Sukan kampus ini di majlis perasmian pesta konvo.

Penyanyi yang popular dengan Rindu Terhenti ini akan mendendangkan empat lagu daripada albumnya pada malam itu.

Manakala, Pasukan Akrobatik Motosikal Wira Merah dari Kor Polis / Tentera Diraja Kem Genting, Klang, Setapak akan turut menunjukkan aksi hebat mereka termasuk menunggang sebuah motosikal dengan muatan 20 anggota di majlis perasmian itu.

Pasukan itu akan diketuai oleh Mejar Ahmad Zaidi Shuib sebagai pengurus pasukan.

Pada malam Kesenian Islam yang akan berlangsung pada 30 Oktober di padang kawad Pasukan Pegawai Simpanan (Palapes), dua kumpulan artis juga akan membuat persembahan iaitu Kumpulan May dan Firdaus.

Manakala, empat artis lain Zahid, Hazama, Didie dan Faris akan menyerikan malam Seribu Harapan di Hotel EDC-UUM pada malam yang sama.

Bagi meraikan graduan sesi pertama konvokesyen kali ke 23, sidang kedua 2010 itu penyanyi Zahid, Hazama, Didie dan Faris akan mendendangkan lagu ketika majlis berhenti rehat untuk sesi pertama sebelum membuat persembahan di majlis santapan diraja pada sesi tengahari.

Dr Amy Azhar menambah pada Malam Bintang UUM empat penyanyi tadi akan turut menghiburkan peminat di pentas terbuka Palapes pada 31 Oktober.

Manakala, 1 November pula sempena pertandingan Akhir Rentak Juara urusetia telah menjemput kumpulan May untuk menghiburkan peminat.

"Di majlis penutup pesta konvokesyen dua penyanyi dari Akademi Fantasia Shahir dan Daus akan menghiburkan peminat di tapak expo pada 2 November ini,"katanya.

Semua persembahan yang membabitkan artis di tapak expo adalah percuma dan terbuka kepada orang ramai.

"Saya berharap orang ramai akan mengambil peluang ini untuk menyaksikan acara-acara yang telah disediakan oleh UUM sambil melihat dan melawat gerai-gerai yang menawarkan pelbagai jenis jualan,"katanya lagi ketika ditemui.

Habis.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT